

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Thursday, September 14, 2017 10:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Abdul Shakur Bin Abdullah
Subject: KURSUS KEUSAHAWAN DIGITAL: TRAINING OF TRAINERS eUSAHAWAN KERJASAMA ANTARA MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION SDN BHD (MDEC) DAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Importance: High



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

14 September 2017 | 23 Zulhijjah 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**KURSUS KEUSAHAWAN DIGITAL: TRAINING OF TRAINERS eUSAHAWAN KERJASAMA ANTARA
MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION SDN BHD (MDEC) DAN UNIVERSITI UTARA
MALAYSIA (UUM)**



SBM ONLINE : Pusat Pengajian Perniagaan (SBM) UUM dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDeC) telah mengadakan satu kursus keusahawanan digital di kalangan pensyarah bagi memperkasa pengetahuan teknologi terkini. Kursus "Training of Trainers eUsahawan" ini yang berlangsung selama 7 hari bermula pada tarikh 20 Ogos 2017 sehingga 26 Ogos 2017 bertempat di EDC Hotels & Resort UUM Sintok melibatkan 10 orang pensyarah daripada SBM dan 15 orang pensyarah daripada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Sepanjang 7 hari kursus tersebut, peserta-peserta di ajar secara praktikal teknik-teknik keusahawanan dan pemasaran digital yang menjadi pemangkin ekonomi Negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan teknologi.

Beberapa orang penceramah serta pengajar terkenal yang mempunyai pengalaman dan kemahiran di dalam keusahawanan digital terlibat di dalam menjayakan kursus ini, antaranya En. Wan Nong Muzafar dan Puan Sharifah Jamilah. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui kursus ini seterusnya akan diselitkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kepada pelajar yang mengikuti subjek keusahawanan, khususnya. Kursus seumpama ini dapat memberi input amat berguna kepada pensyarah di dalam menyampaikan kuliah dengan lebih berkesan.

Sekian.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.